MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2017 DAN JASAMU DIKENANG 2018

KPKT telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017 dan Jasamu Dikenang 2018 pada 9 Januari 2018 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Majlis telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad

bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT).

Seramai 223 orang warga KPKT telah menerima APC bagi tahun 2017 dan 33 orang pesara dan bakal pesara yang menamatkan perkhidmatan pada tahun 2018 dirai dalam majlis ini. Jumlah penerima anugerah dan para pesara ini adalah merangkumi pegawai dan staf dari KPKT dan jabatan-jabatan di bawah KPKT iaitu PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Perumahan Negara (JPN), Jabatan Landskap Negara (JLN), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT).

KPKT merupakan Kementerian pertama yang mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 dan Jasamu Dikenang 2018 pada tahun ini.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT